



**GARIS PANDUAN**  
**MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KALI KE-31**  
**TAHUN 2023**  
**KEMASKINI : 06/04/2023**



**Politeknik Kuching Sarawak**  
**KM22, Jalan Matang**  
**93050, Kuching**  
**Sarawak**

 **082-845596**

 **082-845023**



<http://www.poliku.edu.my/e-konvoquesyen/>

## GARIS PANDUAN MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KALI KE-31 TAHUN 2023

Assalamualaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera.

Graduan yang dihormati,

### MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Politeknik Kuching Sarawak mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan di atas kejayaan anda.

#### 1.0 TARIKH MAJLIS KONVOKESYEN

1.1 Majlis Konvokesyen Politeknik Kuching Sarawak (PKS) Kali Ke-31 akan diadakan pada **13 dan 14 Mei 2023 (Sabtu dan Ahad)** di **Dewan Jubli Perak, Politeknik Kuching Sarawak**.

1.2 Berikut adalah jadual Majlis Konvokesyen PKS Kali Ke-31 Tahun 2023.

TARIKH / HARI	MASA	JABATAN / SESI TAMAT PENGAJIAN / SIDANG
13 Mei 2023 (Sabtu)	8.00 pagi – 10.30 pagi	Majlis Penyampaian Anugerah Pingat Ketua Jabatan (PKJ) Bagi Graduan Tamat Pengajian Sesi II: 2021/2022  *Penerima Anugerah PKJ adalah graduan yang telah mendapat HPNM 3.50 dan ke atas
13 Mei 2023 (Sabtu)	1.30 petang – 5.00 petang	(JKA & JTMK) Sesi II: 2021/2022 <b>Sidang 1</b>
14 Mei 2023 (Ahad)	7.00 pagi – 12.30 tengahari	(JP & JKE) Sesi II: 2021/2022 <b>Sidang 2</b>
14 Mei 2023 (Ahad)	1.30 petang – 5.00 petang	(JKM & JKPK) Sesi II: 2021/2022 <b>Sidang 3</b>

- 1.3 Berikut adalah Jadual Majlis Konvokesyen PKS Kali Ke-31 Tahun 2023 (Sila rujuk **Lampiran A** untuk **Tentatif Majlis**)

SIDANG	TARIKH (HARI)	SESI	JABATAN AKADEMIK	SESI TAMAT PENGAJIAN
	13 Mei 2023 (Sabtu)	Pagi	Penerima Anugerah Pingat Ketua Jabatan <b>SAHAJA</b>	Sesi II: 2021/2022
1	13 Mei 2023 (Sabtu)	Petang	JKA JTMK	Sesi II: 2021/2022
2	14 Mei 2023 (Ahad)	Pagi	JP JKE	Sesi II: 2021/2022
3	14 Mei 2023 (Ahad)	Petang	JKM JKPK	Sesi II: 2021/2022

## 2.0 PENYERTAAN HADIR / TIDAK HADIR MAJLIS KONVOKESYEN

- 2.1 Sila rujuk **Lampiran B** untuk **Carta Alir Penyertaan Hadir / Tidak Hadir ke Majlis Konvokesyen**.
- 2.2 Graduan adalah diingatkan agar **MEMBUAT PEMBAYARAN** Konvokesyen (sama ada Hadir / Tidak Hadir).

## 3.0 BAYARAN KONVOKESYEN

- 3.1 Bayaran Konvokesyen:
- 3.1.1 Hadir Majlis: **RM 260.00**
- 3.1.2 Tidak Hadir Majlis: **RM 150.00**
- 3.2 Tarikh pembayaran Konvokesyen adalah mulai **5 April 2023 – 30 April 2023**.
- 3.3 Pembayaran hanya boleh dibuat melalui:
- 3.3.1 Cash Deposit Machine (CDM) **BANK ISLAM**.
- 3.3.2 *Bill Presentment* melalui Perbankan Internet **BANK ISLAM**
- 3.4 Pembayaran secara **Inter-Bank** daripada bank selain Bank Islam adalah **TIDAK DITERIMA**. Hanya pembayaran melalui mesin CDM Bank Islam dan Perbankan *Online* Bank Islam sahaja yang diterima.



3.5 Jika di kawasan anda **TIADA** cawangan BANK ISLAM, anda dinasihatkan membuat pembayaran tersebut di cawangan BANK ISLAM berhampiran atau di BANK ISLAM cawangan Kuching.

3.6 Tatacara bayaran melalui **Cash Deposit Machine Bank Islam**

- i. Pilih menu **YURAN IPT / BILL PRESENTMENT**.
- ii. Masukkan **NO KAD PENGENALAN PELAJAR**
- iii. Pilih **POLI KUCHING**
  - **Bayaran RM260.00 jika HADIR**
  - **Bayaran RM150.00 jika TIDAK HADIR**
- iv. Sahkan data dan masukkan wang.
- v. Sahkan jumlah wang yang dimasukkan.
- vi. Transaksi selesai dan ambil Resit.

3.7 Tatacara bayaran melalui **Bill Presentment melalui Perbankan Internet BANK ISLAM**

1. Layari <http://www.bankislam.biz>.
2. Masukkan **"USER ID"** dan kata laluan.
3. Pilih **Payments / Services > Bill Presentment > ID Type : New IC Number**
4. Masukkan **"ID/IC"** : No Kad Pengenalan Graduan > Klik **"Submit"**
5. Pilih Biller **POLITEKNIK KUCHING – KOPERASI PKS BERHAD**
  - **05XXXXXRM260 - Bayaran RM260.00 jika HADIR**
  - **05XXXXXRM150 - Bayaran RM150.00 jika TIDAK HADIR**
6. Klik **"PAY"** > Pilih **From Account** > Klik **"PAY"**
7. Transaksi selesai dan **SAVE/CETAK** Resit.

3.8 Tatacara bergambar boleh dirujuk di **Lampiran C**.

3.9 Slip bayaran atau resit **ASAL** perlu disimpan oleh graduan dan dikehendaki menunjukkan slip bayaran semasa hari pendaftaran konvoquesyen, pengambilan jubah dan pengambilan diploma nanti.

3.10 Graduan dikehendaki membuat **Salinan Slip Bayaran** untuk simpanan sendiri atau bagi tujuan lain-lain kerana dikhuatiri resit asal hilang.

#### 4.0 LAPOR DIRI MAJLIS KONVOKESYEN

4.1 Semua graduan hendaklah mendaftarkan diri di **Bilik Kuliah, Blok B Politeknik Kuching Sarawak** mengikut sidang konvokesyen masing-masing.

4.2 Jadual Kaunter Pendaftaran dibuka adalah seperti berikut:

SIDANG	TARIKH (HARI)	SESI	JABATAN AKADEMIK	SESI TAMAT PENGAJIAN	MASA
1	13 Mei 2023 (Sabtu)	Petang	JKA JTMK	Sesi II: 2021/2022	11:30 pagi
2	14 Mei 2023 (Ahad)	Pagi	JP JKE	Sesi II: 2021/2022	7.00 pagi
3	14 Mei 2023 (Ahad)	Petang	JKM JKPK	Sesi II: 2021/2022	11:30 pagi

4.3 Graduan hendaklah membawa **Kad Pengenalan** dan mengemukakan **Slip/Resit Bayaran** kepada urusetia sebagai bukti pembayaran konvokesyen telah dibuat. (Slip bayaran adalah bukti pembayaran dan tidak akan diambil)

4.4 Graduan akan diberi **KAD NAMA** bagi kegunaan di dalam dewan. Sila semak nama dan butiran di dalam kad nama sebelum berbaris.

4.5 Graduan yang **GAGAL** mendaftar diri mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan, **TIDAK AKAN DIBENARKAN** menyertai majlis konvokesyen.

4.6 Graduan yang telah mendaftar dikehendaki berbaris mengikut **JABATAN MASING-MASING**.

4.7 Sila ikut arahan **PEMANDU GRADUAN** semasa berbaris, masuk/keluar ke/dari dewan dan semasa majlis konvokesyen berlangsung.

4.8 Semasa majlis sedang berlangsung graduan diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising atau keluar meninggalkan dewan.

4.9 Graduan **TIDAK DIBENARKAN** membawa sebarang beg/peralatan lain semasa perbarisan **KECUALI KAD NAMA** dan **TELEFON BIMBIT** sahaja.

## 5.0 IBUBAPA / TETAMU

- 5.1 Setiap graduan hanya dibenarkan membawa **DUA (2) ORANG TETAMU** sahaja memasuki dewan konvokesyen tertakluk kepada kapasiti dewan. **PAS MASUK TETAMU** akan dibekalkan kepada graduan di **KAUNTER PENGAMBILAN JUBAH**.
- 5.2 Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah **TIDAK DIBENARKAN** berada di dalam dewan konvokesyen.
- 5.3 Tetamu yang tidak memasuki dewan, disediakan tempat khas untuk mengikuti upacara majlis konvokesyen melalui siaran terus **Youtube dan Facebook rasmi PKS**.
- 5.4 Tetamu **TIDAK DIBENARKAN** mengambil gambar graduan ketika majlis berlangsung.
- 5.5 Tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak keluar dari dewan atau membuat bising di dalam dewan.
- 5.6 Pakaian tetamu hendaklah **kemas dan bersesuaian** untuk majlis rasmi.
- 5.7 Graduan dan tetamu dinasihatkan untuk makan/sarapan terlebih dahulu sebelum masuk ke dewan konvokesyen.
- 5.8 Gerai jualan makanan dan minuman serta bunga konvokesyen ada disediakan dalam kampus Politeknik Kuching Sarawak.
- 5.9 Graduan diminta **memaklumkan** peraturan ini kepada tetamu.

## 6.0 PAS MASUK KENDERAAN DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 6.1 **PAS MASUK KENDERAAN GRADUAN** akan dibekalkan kepada setiap graduan di **KAUNTER PENGAMBILAN JUBAH** dan terhad kepada **SATU (1)** kenderaan sahaja. Pas masuk kenderaan yang diberikan hendaklah **dipamerkan pada cermin hadapan kenderaan** semasa Hari Konvokesyen.
- 6.2 Hanya kenderaan yang mempunyai pas masuk kenderaan sahaja dibenarkan memasuki kawasan kampus PKS.
- 6.3 Kenderaan hendaklah diletakkan di tempat letak kereta yang disediakan oleh PKS.
- 6.4 Graduan dinasihatkan untuk datang awal bagi mengelakkan tempat letak kenderaan penuh.
- 6.5 Sila patuhi arahan dan tunjuk arah yang diberikan oleh pihak pengawal lalu lintas yang bertugas.

## 7.0 ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI GRADUAN

### 7.1 Etika Pakaian dan Rupa Diri Graduan Lelaki

7.1.1 Graduan dibenarkan memakai pakaian sama ada:

7.1.1.1 Baju Melayu Cekak Musang berwarna hitam berbutang lengkap, bersongkok hitam dan bersamping.

#### ATAU

7.1.1.2 Berkemeja lengan panjang berwarna putih, seluar slack hitam, bertali leher dan bersongkok. Graduan Bukan Islam juga digalakkan bersongkok. Pemakaian *blazer* adalah amat digalakkan.

7.1.2 Kasut kulit dan sarung kaki berwarna hitam/gelap yang bersesuaian untuk majlis rasmi. **KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN.**

7.1.3 Graduan hendaklah **berambut pendek** (tidak mencecah kolar baju serta tidak menutupi telinga dan dahi) dan kemas.

7.1.4 Rambut berfesyen seperti **'punk', berekor atau diwarnakan** tidak dibenarkan.

### 7.2 Etika Pakaian dan Rupa diri Graduan Wanita

7.2.1 Baju kurung, kebaya, kebarung, sari atau pakaian labuh yang sopan dan **bertudung putih** bagi yang beragama Islam.

7.2.2 Bagi yang bukan Islam, selain memilih mengenakan pakaian pada 7.2.1, boleh memakai blaus **putih** berlengan **panjang** dan skirt **labuh hingga paras buku lali / seluar slack hitam**.

7.2.3 **Tudung berwarna putih** sahaja dibenarkan dipakai oleh wanita muslim bagi tujuan penyeragaman warna untuk seri majlis.

7.2.4 Kasut bertutup dan berwarna hitam/gelap. **KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN.**

7.2.5 Graduan bukan Islam hendaklah berambut kemas.

7.2.6 Rambut berfesyen seperti **'punk', berekor atau diwarnakan** tidak dibenarkan.

**NOTA: SILA BUAT PERSEDIAAN SEWAJARNYA SUPAYA GRADUAN TIDAK MENGHADAPI KESULITAN SEPERTI DITAHAN DAN SEBAGAINYA UNTUK MENYERTAI MAJLIS PADA HARI KONVOKESYEN**

ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI GRADUAN LELAKI



**ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI BAGI GRADUAN WANITA**



PAKAIAN GRADUAN PEREMPUAN BUKAN ISLAM



## ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI BAGI TETAMU/JEMPUTAN



PAKAIAN FORMAL (BATIK/KEMEJA/BAJU KURUNG/KEBAYA)



## 8.0 KAJIAN PENGESANAN GRADUAN

### 8.1 Panduan Kepada Graduan

8.1.1 Semua graduan yang hadir konvokesyen **diwajibkan** menjawab **Kajian Pengesanan Graduan** sebelum mengambil jubah, pas masuk tetamu dan pas masuk kenderaan.

8.1.2 Kegagalan menjawab kajian ini akan mengakibatkan anda **tidak dapat mengambil jubah, pas masuk tetamu, pas masuk kenderaan graduan** dan sijil **Diploma** atau **Transkrip** anda ditahan.

### 8.2 Tujuan Kajian Pengesanan Graduan

8.2.1 Kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan pandangan anda terhadap program pengajian, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan semasa anda mengikuti pengajian di Politeknik Kuching Sarawak serta strategi anda memasuki dan menghadapi alam pekerjaan.

8.2.2 Maklum balas anda sangat penting bagi membawa perubahan yang membina kepada Politeknik Kuching Sarawak dan Kementerian Pendidikan Tinggi dalam melahirkan graduan TVET yang berkualiti.

### 8.3 Proses Kerja Pengisian Kajian

8.3.1 Untuk mengisi **Kajian Pengesanan Graduan**, sila layari laman pautan [http://www.poliku.edu.my/tracer\\_study/](http://www.poliku.edu.my/tracer_study/) dan sila lengkapkan maklumat yang diperlukan **bermula tarikh 2 Mei 2023 (Selasa)**.

8.3.2 Panduan dan tatacara pengisian **Kajian Pengesanan Graduan** boleh diakses di <http://www.poliku.edu.my/e-konvokesyen/>

8.3.3 Setelah selesai mengisi **Kajian Pengesanan Graduan**, graduan perlu **mencetak** slip tersebut untuk proses pengambilan jubah. Ianya adalah **wajib**.

8.3.4 **Taklimat pengesanan graduan akan dibuat pada 15 April 2023 (Sabtu) secara dalam talian.**

#### 8.4 Penghantaran Slip Kajian Pengesanan Graduan

- 8.4.1 Graduan yang **TIDAK HADIR**, perlu menghantar Slip Kajian Pengesanan Graduan dengan mematuhi cara pengambilan sijil diploma atau transkrip.
- 8.4.2 Bagi graduan yang **HADIR**, perlu menghantar Slip Kajian Pengesanan Graduan di kaunter yang disediakan di kawasan **Bilik Kuliah C2, Politeknik Kuching Sarawak** (Berdekatan Cafeteria Politeknik Kuching Sarawak). Rujuk rajah **Carta Alir Kajian Pengesanan Graduan** yang disertakan di **Lampiran D. Slip Kajian Pengesanan Graduan** boleh diserahkan mulai **10 hingga 12 Mei 2023 (Rabu - Jumaat)** berserta pengambilan jubah.
- 8.4.3 Jika anda menghantar wakil untuk mengambil jubah, pastikan wakil anda membawa segala maklumat dan dokumen yang diperlukan.
- 8.4.4 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung Kajian Pengesanan Graduan ini, sila hubungi **Puan Sabrina binti Milan di talian 013-8205300** atau **Encik Johari Ahmad bin Ghazali di talian 016-8676514**.

### 9.0 JUBAH KONVOKESYEN

#### 9.1 Pengambilan Jubah

- 9.1.1 Jadual pengambilan jubah adalah seperti di **Lampiran E, Jadual 1**.
- 9.1.2 Jubah boleh diambil pada **10 hingga 12 Mei 2023 (Rabu - Jumaat)** dengan mengemukakan **Slip Bayaran Yuran Konvokesyen** dan **Slip Pengesanan Kajian Pengesanan Graduan**.
- 9.1.3 Urusan pengambilan jubah selain daripada **Lampiran E** tidak akan dilayan.
- 9.1.4 Graduan **tidak dibenarkan mencuci** sendiri Jubah Konvokesyen. Jika perlu, graduan dinasihatkan **menggosok/seterika jubah pada suhu yang rendah**.
- 9.1.5 Sebarang **pengubahsuaian** pada jubah adalah **tidak dibenarkan**.
- 9.1.6 Penentuan saiz jubah adalah berdasarkan pilihan anda menerusi pautan <https://forms.gle/fmXpS7nFLvoWYbiG8>. Sebarang penukaran saiz semasa proses pengambilan jubah adalah tidak dibenarkan.

**[Penafian: Bilangan jubah berdasarkan saiz (S, M, L & XL) adalah terhad. Oleh itu, konsep “first come, first serve” diguna pakai semasa pengambilan jubah]**

SAIZ JUBAH KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KALI KE-31 TAHUN 2023		
SAIZ	ANGGARAN UKURAN (CM)	
	LEBAR BAHU	PANJANG
S	48	114
M	48	120
L	50	124
XL	52	130
XXL	55	136

9.1.7 Bagi graduan yang menghantar wakil, graduan perlu mengisi bahagian wakil pada Borang Peminjaman Jubah berserta dengan surat tunjuk kuasa wakil. Jika tidak ada surat kuasa, wakil tersebut **TIDAK DIBENARKAN** mengambil jubah. [Nota: borang wakil boleh dimuat turun di pautan saiz jubah]

## 9.2 Pemulangan Jubah

9.2.1 Jadual pemulangan jubah adalah seperti di **Lampiran E, Jadual 1**.

9.2.2 Jubah perlu dipulangkan selepas majlis konvokesyen tamat.

9.2.3 Pemulangan jubah selepas daripada tarikh yang telah ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak **RM20 sehari** (*hari bekerja sahaja*).

9.2.4 **Slip Pemulangan Jubah** dan Tuntutan Sijil Diploma yang telah ditandatangani dan dicop oleh JK Pengurusan Jubah akan menjadi **bukti untuk graduan membuat tuntutan diploma**.

9.2.5 Jubah perlu dipulangkan dalam keadaan asal sebagaimana ketika peminjaman. Sekiranya jubah dipulangkan oleh wakil, graduan perlu mengisi bahagian wakil pada Borang Peminjaman Jubah berserta dengan surat tunjuk kuasa wakil.

9.2.6 Semasa pemulangan jubah, saiz dan nombor jubah hendaklah sama dengan saiz yang dipinjam. Jika saiz dan nombor jubah tidak sama, graduan dikehendaki untuk menukar balik jubah tersebut dengan jubah yang dipinjam. Jika sudah dijumpai, barulah graduan boleh membuat proses pemulangan dan mendapatkan Slip Menuntut Diploma / Sijil pada pegawai bertugas.

### 9.3 Kehilangan atau Kerosakan Jubah

9.3.1 Graduan tidak dibenarkan meminda/mengubah mana-mana bahagian jubah yang disewa.

9.3.2 Caj akan dikenakan kepada graduan bagi kos kehilangan/kerosakan pada jubah mengikut jadual dan Diploma tidak akan dikeluarkan kepada graduan sehingga bayaran tersebut dijelaskan.

9.3.3 Jadual Kadar Denda Kehilangan atau Kerosakan Jubah adalah seperti di **Lampiran E, Jadual 2.**

9.3.4 Sebarang pertanyaan sila hubungi Pegawai Koperasi di talian berikut:

**Pengurus**  
**Koperasi Politeknik Kuching Sarawak Berhad**  
**Email: kopolikuberhad@gmail.com**  
**No. Telefon: 010-8780703**

## 10.0 TUNTUTAN SIJIL DIPLOMA

10.1 Graduan yang **HADIR** majlis konvoquesyen boleh menuntut sijil diploma di **Unit Peperiksaan** selepas memulangkan jubah dengan mengemukakan **Slip Pemulangan Jubah dan Tuntutan Sijil Diploma** yang telah ditandatangani dan cop oleh Jawatankuasa Jubah.

10.2 Graduan yang **TIDAK HADIR** ke majlis konvoquesyen boleh menuntut sijil diploma dengan :

10.2.1 Hadir sendiri ke Unit Peperiksaan PKS.

10.2.2 Menghantar wakil untuk menuntutnya.

10.2.3 Penghantaran secara pos kepada graduan.

10.3 Bagi perkara 10.2:

10.3.1 Graduan wajib melengkapkan **Borang Permohonan Sijil/Diploma Politeknik (Graduan Yang Tidak Hadir Majlis Konvokesyen)** yang boleh dimuat turun di laman sesawang <http://www.poliku.edu.my/unit-peperiksaan/> untuk dikemukakan semasa tuntutan (Perkara 10.2.1 dan 10.2.2) manakala bagi Perkara 10.2.3, borang yang telah lengkap diisi perlu dipos kepada :

**Pengarah  
Politeknik Kuching Sarawak  
KM 22, Jalan Matang  
93050 Kuching  
Sarawak  
(u.p.: Unit Peperiksaan PKS)**

10.3.2 Graduan/wakil **WAJIB** mengemukakan dokumen berikut bersama borang permohonan semasa tuntutan.

- i. **Salinan kad pengenalan graduan.**
- ii. **Salinan kad pengenalan wakil dan Surat Wakil oleh pemohon (merujuk kepada Perkara 10.2.2).**
- iii. **Resit ASAL pembayaran secara ONLINE BANKING atau DEPOSIT TUNAI.**

10.3.3 Tuntutan hanya boleh dilakukan **selepas tarikh rasmi** majlis konvokesyen berlangsung.

10.4 Sijil diploma yang tidak dituntut akan disimpan di Unit Peperiksaan Politeknik Kuching Sarawak.

## **11.0 TUNTUTAN WANG TUNAI/CEK BAGI PEMENANG ANUGERAH KECEMERLANGAN**

11.1 Graduan dimohon berjumpa Pegawai Peperiksaan selepas selesai urusan tuntutan sijil diploma.

11.2 Sila kemukakan kad pengenalan bagi tujuan pengesahan.

## 12.0 GAMBAR KONVOKESYEN

- 12.1 Gambar konvokesyen **di atas pentas** diurus oleh Urusetia Konvokesyen di bawah **JK FOTOGRAFI, PERSEMBAHAN DAN GIMIK PERASMIAN** dengan melantik syarikat fotografi dari luar.
- 12.2 Setiap graduan yang hadir akan menerima gambar secara pakej fotografi yang terdiri daripada satu (1) keping **gambar saiz 6R**, satu (1) keping **gambar saiz 8R**, satu (1) keping **gambar saiz 12R** dan **salinan softcopy** (CD atau melalui emel).
- 12.3 Penghantaran secara pos diuruskan oleh syarikat fotografi yang dilantik dan **kos bayaran pos ditanggung oleh graduan**.
- 12.4 Perkhidmatan studio fotografi (*photo booth*) juga disediakan semasa majlis berlangsung di tempat atau bilik yang telah disediakan. Walau bagaimanapun, **gambar studio tidak termasuk dalam pakej fotografi ini**.

## 13.0 PERINGATAN TAMBAHAN

- 13.1 Graduan yang masih belum menjelaskan apa-apa yuran dengan PKS atau belum memulangkan buku perpustakaan atau barang-barang yang lain yang dipinjam dari mana-mana bahagian di PKS, diingatkan supaya menyelesaikan urusan dengan pihak yang berkenaan dengan segera.
- 13.2 Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan **diploma dan transkrip DITAHAN**.

**LAMPIRAN A**

**TENTATIF MAJLIS KONVOQUESYEN  
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KALI KE-31 TAHUN 2023**

- **RINGKASAN TENTATIF MAJLIS KONVOQUESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KALI KE-31 TAHUN 2023**

TARIKH/ HARI	MASA	JABATAN / GRADUAN TAMAT PENGAJIAN
13 Mei 2023 (Sabtu)	8.00 pagi – 10.30 pagi	Majlis Penyampaian Anugerah Pingat Ketua Jabatan (PKJ) Bagi Graduan Tamat Pengajian Sesi II: 2021/2022  *Penerima Anugerah PKJ adalah graduan yang telah mendapat HPNM 3.50 dan ke atas
13 Mei 2023 (Sabtu)	1.30 petang – 5.00 petang	(JKA & JTMK) <b>Sesi II: 2021/2022</b> SIDANG 1
14 Mei 2023 (Ahad)	7.00 pagi – 12.30 petang	(JP & JKE) <b>Sesi II: 2021/2022</b> SIDANG 2
14 Mei 2023 (Ahad)	1.30 petang – 5.00 petang	(JKM & JKPK) <b>Sesi II: 2021/2022</b> SIDANG 3

● **TENTATIF PENDAFTARAN DAN MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KALI KE-31 TAHUN 2023**

ATURCARA : MAJLIS ANUGERAH PINGAT KETUA JABATAN PKS 2023

GRADUAN : Tamat Pengajian Sesi II: 2021/2022

TARIKH : 13 MEI 2023 [SABTU]

MASA : 7.30 pagi

MASA	AKTIVITI
7.30 pagi	Ketibaan dan pendaftaran graduan (berkumpul di tempat perbarisan)
7.45 pagi	Ketibaan Ketua-Ketua Jabatan
8.00 pagi	<p>Ketibaan Pengarah/TPA/TPSA</p> <p>Nyanyian Lagu Negaraku</p> <p>Nyanyian Lagu Ibu Pertiwiku</p> <p>Bacaan doa</p> <p>Ucapan aluan oleh Pengarah PKS</p> <p>Penyampaian Sijil dan Pingat Ketua Jabatan</p> <p>Nyanyian Lagu PolyCC</p> <p>Sesi Bergambar</p> <p>Tuntutan Sijil</p>
10.30 pagi	Bersurai

ATURCARA : **MAJLIS KONVOQUESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KALI KE 31 [SIDANG PERTAMA / 1.00 PETANG]**

GRADUAN : **Tamat Pengajian Sesi II: 2021/2022** bagi Jabatan:  
*i) Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)*  
*ii) Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komputer (JTMK)*

TARIKH : **13 MEI 2022 [SABTU]**

MASA : **1.00 PETANG**

MASA	AKTIVITI
1:00 petang - 1.30 petang	<p><b>Ketibaan graduan</b> (berkumpul di tempat perbarisan)  <b>Ketibaan ibubapa</b>  <b>Ketibaan para jemputan</b></p> <p><i>- Ibulapa dan jemputan dijemput masuk ke dalam dewan</i>  <i>- Taklimat ringkas keselamatan &amp; tentatif majlis oleh pengacara majlis</i>  <i>- Graduan dan ibubapa dinasihatkan untuk makan/sarapan sebelum menyertai majlis.</i></p>
1.50 petang	<b>Perarakan masuk graduan</b>
2.00 petang	<b>Ketibaan Tetamu Kehormat</b>
2.15 petang	<p><b>Perarakan masuk Ketua Jabatan Politeknik Kuching Sarawak</b></p> <p><b>Perarakan masuk Tetamu Kehormat</b></p> <p><b>Nyanyian Lagu Negaraku</b>  <b>Nyanyian Lagu Ibu Pertiwiku</b></p> <p><b>Bacaan doa</b></p> <p><b>Ucapan aluan oleh Pengarah PKS</b></p> <p><b>Ucapan perasmian oleh Tetamu Kehormat</b></p>

5.00 petang	<p><b>Penyampaian diploma Sesi II: 2021/2022 [JKA]</b></p> <p><i>Rehat dan persembahan</i></p> <p><b>Penyampaian diploma Sesi II: 2021/2022 [JTMK]</b></p> <p><b>Penyampaian Anugerah Graduan Cemerlang &amp; Industri</b></p> <p><b>Nyanyian Lagu PolyCC</b></p> <p><b>Perarakan keluar Tetamu Kehormat</b></p> <p><b>Bersurai</b></p>
-------------	---

ATURCARA : **MAJLIS KONVOQUESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KALI KE 31 [SIDANG KEDUA / 7.00 PAGI]**

GRADUAN : **Tamat Pengajian Sesi II: 2021/2022** bagi Jabatan:  
*i) Jabatan Perdagangan (JP)*  
*ii) Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)*

TARIKH : **14 MEI 2022 [AHAD]**

MASA : **7.00 PAGI**

MASA	AKTIVITI
7.00 pagi - 8.15 pagi	<p><b>Ketibaan graduan</b> (berkumpul di tempat perbarisan)  <b>Ketibaan ibubapa</b>  <b>Ketibaan para jemputan</b></p> <p>- <i>Ibubapa dan jemputan dijemput masuk ke dalam dewan</i>  - <i>Taklimat ringkas keselamatan &amp; tentatif majlis oleh pengacara majlis</i>  - <i>Graduan dan ibubapa dinasihatkan untuk makan/sarapan sebelum menyertai majlis.</i></p>
8.30 pagi	<b>Perarakan masuk graduan</b>
8.40 pagi	<b>Ketibaan Tetamu Kehormat</b>
9.00 pagi	<p><b>Perarakan masuk Ketua Jabatan Politeknik Kuching Sarawak</b></p> <p><b>Perarakan masuk Tetamu Kehormat</b></p> <p><b>Nyanyian Lagu Negaraku</b>  <b>Nyanyian Lagu Ibu Pertiwiku</b></p> <p><b>Bacaan doa</b></p> <p><b>Ucapan aluan oleh Pengarah PKS</b></p> <p><b>Ucapan perasmian oleh Tetamu Kehormat</b></p>

12.30 petang	<p><b>Penyampaian diploma Sesi II: 2021/2022 [JP]</b></p> <p><i>Rehat dan persembahan</i></p> <p><b>Penyampaian diploma Sesi II: 2021/2022 [JKE]</b></p> <p><b>Penyampaian Anugerah Graduan Cemerlang &amp; Industri</b></p> <p><b>Nyanyian Lagu PolyCC</b></p> <p><b>Perarakan keluar Tetamu Kehormat</b></p> <p><b>Bersurai</b></p>
--------------	---

ATURCARA : **MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KALI KE 31 [SIDANG KETIGA / 1.00 PETANG]**

GRADUAN : **Tamat Pengajian Sesi II: 2021/2022** bagi Jabatan:  
*i) Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)*  
*ii) Jabatan Kejuruteraan Petrokimia (JKPK)*


TARIKH : **14 MEI 2022 [AHAD]**

MASA : **1.00 PETANG**

MASA	AKTIVITI
1:00 petang - 1.30 petang	<p><b>Ketibaan graduan</b> (berkumpul di tempat perbarisan)  <b>Ketibaan ibubapa</b>  <b>Ketibaan para jemputan</b></p> <p>- <i>Ibubapa dan jemputan dijemput masuk ke dalam dewan</i>  - <i>Taklimat ringkas keselamatan &amp; tentatif majlis oleh pengacara majlis</i>  - <i>Graduan dan ibubapa dinasihatkan untuk makan/sarapan sebelum menyertai majlis.</i></p>
1.50 petang	<p><b>Perarakan masuk graduan</b></p>
2.00 petang	<p><b>Ketibaan Tetamu Kehormat</b></p> <p><b>Perarakan masuk Ketua Jabatan Politeknik Kuching Sarawak</b></p>
2.15 petang	<p><b>Perarakan masuk Tetamu Kehormat</b></p> <p><b>Nyanyian Lagu Negaraku</b>  <b>Nyanyian Lagu Ibu Pertiwiku</b></p> <p><b>Bacaan doa</b></p> <p><b>Ucapan aluan oleh Pengarah PKS</b></p> <p><b>Ucapan perasmian oleh Tetamu Kehormat</b></p> <p><b>Penyampaian diploma Sesi II: 2021/2022 [JKM]</b></p> <p><i>Rehat dan persembahan</i></p>

5.00 petang	<p><b>Penyampaian diploma Sesi II: 2021/2022 [JKPK]</b></p> <p><b>Penyampaian Anugerah Graduan Cemerlang &amp; Industri</b></p> <p><b>Nyanyian Lagu PolyCC</b></p> <p><b>Perarakan keluar Tetamu Kehormat</b></p> <p><b>Bersurai</b></p>
-------------	--

**CARTA ALIR PENYERTAAN HADIR / TIDAK HADIR**  
**MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KALI KE-31 TAHUN 2023**




**TATACARA PEMBAYARAN BERGAMBAR**

***Hadir Konvokesyen : RM 260.00***


***Tidak Hadir Konvokesyen : RM 150.00***

**PEMBAYARAN MELALUI CASH DEPOSIT MACHINE, CDM BANK ISLAM**




1. Pilih menu **YURAN IPT / BILL PRESENTMENT**.



2. Masukkan **No Kad Pengenalan Graduan**.



3. Pilih **POLI KUCHING** (Pilih bayaran RM260 Hadir atau RM150 Tidak Hadir)



**\*\* Pilih setiap satu pilihan mengikut pilihan HADIR atau TIDAK HADIR dan pastikan anda membuat pembayaran mengikut pilihan yang betul.**

4. Sahkan data dan masukkan wang.

5. Sahkan jumlah kemasukkan wang.

Transaksi selesai dan ambil Resit. Jika tiada resit dikeluarkan, sila rujuk pihak bank untuk dapatkan resit transaksi tersebut.

## PEMBAYARAN BILL PRESENTMENT MELALUI PERBANKKAN INTERNET BANK ISLAM

1. Layari <http://www.bankislam.biz>.
2. Masukkan "USER ID" dan kata laluan.
3. Pilih **Payments / Services > Bill Presentment > ID Type : New IC Number**



4. Masukkan "ID/IC" : No Kad Pengenalan Graduan > Klik "Submit"

A screenshot of the Bank Islam website's 'Bill Presentment' form. The form is titled 'Bill Presentment' and shows the user's login time as 'as at 05-Jul-2022 11:51:17 MYT'. The form contains two input fields: 'ID / IC Type' with a dropdown menu showing 'Please select', and 'ID / IC' with a text input field. A red 'Submit' button is located at the bottom right of the form. Below the form, there is a 'Note:' section with a link: 'To view our Bill Presentment Billers, click here'.

5. Pilih Biller **POLITEKNIK KUCHING – KOPERASI PKS BERHAD**

- 05XXXXXXRM260 - **Bayaran RM 260.00 jika HADIR**
- 05XXXXXXRM150 - **Bayaran RM 150.00 jika TIDAK HADIR**



**Bill Presentment** as at 05-Jul-2022 11:54:24 MYT

ID / IC Type

ID / IC

**Submit**

**List of Bill Presentment**

Select	No	Biller	Bill Number
<input type="radio"/>	1		
<input type="radio"/>	2		
<input type="radio"/>	3		
<input type="radio"/>	4		
<input checked="" type="radio"/>	5	POLITEKNIK KUCHING - KOPERASI PKS BERHAD	0503557 RM260
<input type="radio"/>	6	POLITEKNIK KUCHING - KOPERASI PKS BERHAD	0504916RM150

**Pay** **Cancel**


**Note:**  
To view our Bill Presentment Billers, click [here](#)

6. Klik **"PAY"** > Pilih **From Account** > Klik **"PAY"**

7. Transaksi selesai dan **SAVE/CETAK** Resit.

**KAJIAN PENGESANAN GRADUAN & PERATURAN KEPADA BAKAL GRADUAN**

PROSES KERJA PENGISIAN KAJIAN UNTUK GRADUAN YANG HADIR KONVOKESYEN



**\*\* NOTA PENTING:** Sekiranya menghantar wakil, pastikan segala maklumat yang diperlukan untuk kajian dibawa bersama.

**\*\* Lokasi penyerahan Slip Kajian Pengesanan Graduan** adalah di **Cafe Politeknik Kuching Sarawak.**

**LAMPIRAN E**

**JADUAL 1: PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN JUBAH KONVOKESYEN  
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**

<b>Perkara</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Lokasi</b>
<b>Pengambilan / Agihan</b>	<b>10 - 12 Mei 2023</b> (Rabu – Jumaat)	<b>9:00am – 4:00pm</b>	<b>Cybercafe</b> Koperasi Politeknik Kuching Sarawak Berhad
<b>Pemulangan</b> <i>(Pemulangan jubah yang <b>lewat</b> daripada tarikh yang ditetapkan akan dikenakan denda <b>RM20 sehari</b>)</i>	<b>13 - 15 Mei 2023</b> (Sabtu - Isnin)	<b>9:00am – 5:00pm</b>	<b>Cafe</b> Politeknik Kuching Sarawak

**JADUAL 2: KADAR DENDA KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN JUBAH KONVOKESYEN  
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**

<b>Perkara</b>	<b>Kadar Caj (RM)</b>
<b>Kehilangan Jubah</b>	<b>1000.00</b>
<b>Kerosakan Jubah</b>	<b>Bergantung kepada jenis kerosakan</b>